

RABU, 18 FEBRUARI 1976

ILMU BERSILAT UNTUK SEMUA

SENI silat Melayu belum begitu dikenali oleh masyarakat bukan Melayu. Terlalu sedikit — atau mungkin tidak ada langsung — masyarakat bukan Melayu yang mempelajari silat-silat Melayu. Terlalu susah umpamanya bagi kita melihat orang-orang India atau Cina yang menunjukkan kebolehan mereka bersilat di khalayak ramai. Tetapi sebaliknya kita akan dengan mudah melihat anak-anak muda kita mempelajari seni mempertahankan diri bangsa lain seperti Tae Kwan-do, Karate, Judo dan lain-lain. Seni-seni mempertahankan diri masyarakat Cina seperti Tai Chi, Kuntau dan lain-lain, juga jarang-jarang kita lihat dipelajari oleh masyarakat Melayu dan India. Kita secara tidak langsung seolah-olah menganggap bahawa seni-seni mempertahankan diri seperti Judo, Tae Kwan-do dan Karate itu sebagai bersifat antarabangsa dan dipelajari oleh semua bangsa. Sebaliknya kita seolah-olah menganggap bahawa seni-seni mempertahankan diri seperti silat, kuntau dan lain-lain seumpama itu sebagai seni mempertahankan diri yang menjadi milik satu-satu kaum tertentu.

Dalam zaman ini, rasa perkauman perlulah disingkirkan. Setiap pertubuhan yang mengajar segala ilmu mempertahankan diri perlu membuka pintu mereka seluas-luasnya kepada sesiapa saja tanpa mengira kaum. Maka itu langkah PASAK untuk membuka pintu persatuannya kepada anggota-anggota bukan Melayu yang ingin belajar bersilat, memanglah baik. Langkah ini sepatutnya ditiru oleh persatuan-persatuan seni mempertahankan diri bukan saja dari kaum Melayu tetapi juga oleh kaum lain. Sesuai dengan istilah "mempertahankan diri", silat, kuntau dan lain-lain seumpama itu haruslah dicocohkan dengan konsep hidup sekarang. Ia haruslah dianggap sebagai "seni" dan "riadah" dan bukan sebagai "senjata". Sekalipun begitu, tentulah tidak salah jika seni yang dipelajari itu dijadikan senjata untuk mempertahankan diri dalam masa-masa kecemasan.

Apa yang dinyatakan tadi adalah satu percubaan untuk menjadikan seni mempertahankan diri kaum-kaum di sini mempunyai imej yang sama seperti Judo, Karate dan Tae Kwan-do yang dilahirkan oleh masyarakat Jepun. Hanya apabila kita berjaya membentuk imej serupa itu sajalah maka kita boleh mengharap nama seni silat Melayu dan juga silat-silat lain yang dipunyai oleh kaum-kaum lain, dikenal oleh masyarakat di luar Singapura. Tetapi ini bukanlah satu tugas yang mudah. Pertama, masing-masing kaum perlu menghapuskan perasaan "kepunyaan" yang terlalu tebal. Kedua, kita mestilah bersungguh-sungguh menyebarkan seni mempertahankan diri kita itu kepada masyarakat luar dengan menyertai pertunjukan - pertunjukan yang sering diadakan di luar negeri. Perasaan takut kehilangan "keperibadian" seni masing-masing kaum, pasti wujud. Tetapi perasaan itu boleh dihindarkan sekiranya kita memahami benar-benar terhadap konsep hidup sekarang. Sekalipun begitu memanglah diakui bahawa masa yang agak panjang masih diperlukan sebelum harapan ini dapat dijadikan kenyataan.

SATU PESTA SILAT

SATU pesta silat akan diadakan di sini tidak lama lagi. Pesta itu diadakan buat pertama kali sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini. Pesta itu juga adalah yang pertama diadakan sejak Republik ini menguatkuasakan undang-undang yang mengawal pergerakan seni mempertahankan diri di sini. Sebanyak lapan buah pasukan yang menjadi anggota Persekutuan Silat Singapura mungkin akan menyertai pesta itu. Walaupun pesta itu bukan merupakan satu peraduan, tetapi hadiah-hadiah akan diberikan kepada pasukan-pasukan yang dapat menunjukkan persembahan terbaik. Melalui pesta itu dapatlah pasukan-pasukan seni silat di sini menunjukkan kepada masyarakat Singapura tentang seni mempertahankan diri masyarakat Melayu. Di samping itu, mereka juga dapat menunjukkan bahawa seni silat adalah salah satu jenis sukan semata.

Pesta itu membuktikan bahawa penguatkuasaan undang-undang mengenai seni mempertahankan diri tidak sedikitpun menjejaskan perkembangan berbagai seni mempertahankan diri di sini. Tujuan utama undang-undang itu hanyalah untuk mengelakkan pertubuhan-pertubuhan yang menganjurkan seni itu dari diresapi oleh anggota-anggota kumpulan haram. Dengan mematuhi undang-undang tersebut, pertubuhan-pertubuhan tempatan masih boleh berkembang tanpa sebarang sekatan.

SILAT SEBAGAI SUKAN

USAHA PERSISI untuk meningkatkan lagi taraf seni silat di Republik ini, menyatu dan menyelaraskan kegiatan-kegiatannya serta menganjurkan peraduan demi faedah para anggotanya adalah satu perkara yang dialu-alukan. Inilah kali pertama sebuah badan pusat mengambil berat tentang satu bidang seni mempertahankan diri masyarakat Melayu yang selama ini bergerak tanpa penyelarasan dan ketentuan.

Satu fakta yang menggalakkan ialah hakikat bahawa seni silat telahpun diterima oleh Majlis Sukan Singapura sebagai salah sejenis sukan sama seperti judo dan taekwon-do dan yang seumpamanya.

Seperti kata Haji Ya'acob Mohamed, sukan ini dapat digunakan bagi membina jaman para belia dan beliawanita untuk menjadikan mereka anggota masyarakat yang berdisiplin dan tahan lasak dalam pembangunan negara.

Semoga dengan adanya pimpinan yang baik dan nasihat serta bimbingan dari Menteri Negara Pejabat Perdana Menteri itu, PERSISI dapat mencapai matalamatnya itu sama seperti usaha membina sepaktakraw di bawah PERSES.

19 AUG 1976
Malah persatuan sepaktakraw telah dapat juga menganjurkan pertandingan antara pasukan-pasukan bukan Melayu. Ini adalah satu perkara yang sungguh menggalakkan. Hendaknya perkara ini ditimbangakan juga oleh PERSISI agar semua kaum di sini dapat menikmati sama faedah sukan tersebut. Dan dalam semangat bersukan itulah perpaduan akan terjalin erat lagi. Semoga matalamat pertubuhan itu dapat dicapai.